

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Dandang (Boiler)

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Dandang. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi Dandang menyediakan perlindungan untuk kerosakan material terhadap dandang atau perkakasan lain yang diinsuranskan disebabkan oleh letupan atau runtuhannya sewaktu tempoh perlindungan semasa berada di dalam had wilayah yang dinyatakan di dalam polisi

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi berikut:

- Kerosakan kepada dandang atau perkakasan lain
- Liabiliti ke atas kerosakan kepada harta bukan milik Pihak yang Diinsurans
- Liabiliti ke atas Kecederaan Tubuh Badan Pihak Ketiga

Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut bentuk perniagaan anda dan keperluan penunderaitan kami.

Anggaran nilai yang diinsuranskan	:	RM _____	%
Kadar dikenakan	:	_____	_____
Premium perlu Dibayar	:	RM _____	_____

Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250.00.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5 : Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ianya merupakan asas kepada kontrak insurans,

Perubahan dalam Risiko

- Anda harus memaklumkan pihak kami atau penantara insurans anda dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan

- Anda dikehendaki mengambil semua langkah pencegahan yang wajar dengan semua saranan daripada pihak kami yang munasabah untuk menghalang kerugian, kerosakan atau liabiliti dan mematuhi keperluan statutori dan cadangan pengilang.
- Anda mestinya memastikan bahawa jumlah yang anda insuranskan yang dinyatakan dalam Jadual adalah mencukupi.
- Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Formerly known as AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara 50490 Kuala Lumpur.

P.O.Box 11228, GPO Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Laman Web: www.amassurance.com.my

(Service Tax Registration No.: B16-1808-31015443)

Lebihan

- Ialah amaun kerugian yang anda harus tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung rugi anda jika berlakunya tuntutan di bawah polisi ini.

Jaminan Premium

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini / pengesahan / sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmGeneral berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini..

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kecacatan akibat penggunaan dan kelusuhan
- Kegagalan tiub individu di dalam dandang tiub air lokomotif atau lain-lain jenis pelbagai tiub di dalam pemanas besar atau di dalam penjimat (kecuali kecacatan tersebut menyebabkan letupan atau runtuh)
- Kerosakan kepada harta Diinsurans disebabkan oleh kebakaran akibat letupan, runtuh atau sebarang sebab lain.
- Kerosakan dan/atau liability disebabkan oleh tindakan sengaja atau kecuaian sengaja Diinsuranskan
- Perang dan sebarang tindakan perang saudara
- Kerugian atau kemusnahan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada risiko tenaga nuklear atau keradioaktifan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan pro-rata untuk tempoh ganti rugi belum tamat tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

(Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad)

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damandara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Emel : customer@amassurance.com.my
Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISIINI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad (dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan semua kelas perniagaan insurans am.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2023.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (lawat www.pidm.gov.my)